

13 SEP 2002

Megat-Puteri

JAWATANKUASA PENGURUSAN UMNO AKAN KAJI SEMUA ISU PUTERI

PULAU PINANG, 13 Sept (Bernama) -- Jawatankuasa Pengurusan Umno akan mengadakan mesyuarat bagi membincang dan menyiasat secara menyeluruh semua dakwaan dan isu yang dibangkitkan dalam pergerakan Puteri Umno.

Ketua Penerangan Umno Tan Sri Megat Junid Megat Ayob berkata, mesyuarat yang akan dipengerusikan oleh Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi itu juga akan mengkaji masalah-masalah teknikal yang dibangkitkan seperti pertindihan keanggotaan antara Puteri dan pergerakan Wanita parti itu.

Beliau memberitahu pemberita selepas menghadiri perjumpaan dengan Jawatankuasa Penerangan Umno Pulau Pinang di sini, hari ini, perbincangan mengenai masalah dan isu-isu yang dibangkitkan di kalangan anggota puteri itu adalah bertujuan bagi menjamin pemilihan pergerakan itu pada November ini berjalan dengan lancar.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas laporan sebuah akhbar yang memetik bahawa Setiausaha Kerja Umno Tengku Datuk Adnan Tengku Mansor sebagai berkata, seseorang anggota pergerakan Wanita tidak dibenarkan memegang jawatan dalam Puteri.

Baru-baru ini, bekas Exco penaja Puteri Umno Raihan Sulaiman yang bercadang untuk bertanding bagi jawatan Ketua Puteri dikatakan turut memegang jawatan sebagai Anggota Jawatankuasa Wanita Bahagian Kulim-Bandar Baru, Kedah.

Megat Junid yang juga anggota jawatankuasa pengurusan parti berkata, semua calon-calon yang berminat untuk bertanding pada pemilihan Puteri itu haruslah mengelak daripada sebarang kesilapan teknikal.

"Saya juga ingin nasihatkan Azalina (Ketua Puteri) agar elak dari melakukan sebarang kesilapan teknikal...beliau (Azalina) telah bersusah-payah menerajui pergerakan itu di peringkat penaja lagi dan janganlah disebabkan kesilapan teknikal kelak, beliau tidak layak untuk bertanding pula," katanya.

Jika terdapat pertandingan dalam jawatan ketua Puteri, biarlah ianya berlangsung dengan bersih tanpa kesilapan teknikal, gejala negatif dan politik wang.

"Presiden parti (Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad) sendiri telah memberi amaran kepada semua anggota Puteri agar jangan sekali-kali terbabit dengan gejala politik wang," kata beliau.

Mengenai dakwaan bekas Ketua Penerangan penaja pergerakan itu, Mastina Abdul Hamid bahawa Azalina didapati sedang berkempen dengan bertemu para pemimpin Umno, Megat berkata, Mastina juga bebas untuk berbuat demikian.

Berkempen tidak menjadi kesalahan selagi ianya bersih dan bertemu dengan para pemimpin parti juga tidak menjadi kesalahan cuma pemimpin berkenaan tidak harus mengeluarkan sebarang kenyataan menyokong mana-mana pihak.

"Jika ada pertandingan, kita terimalah pertandingan itu tetapi biarlah ianya bersih tanpa dicemari oleh sebarang unsur negatif," kata beliau.

Mastina juga dilaporkan ingin merebut jawatan Ketua Puteri itu.

Megat Junid juga menasihati semua anggota parti agar sedar bahawa penyertaan mereka dalam Umno bukanlah untuk mendapat sebarang imbuhan sebaliknya ia adalah untuk perjuangan orang Melayu itu sendiri.

Semangat perjuangan Umno untuk membela nasib bangsa haruslah diutamakan dan anggota Umno harus sanggup terima kritikan serta memperbaiki sebarang kelemahan yang ada.

-- BERNAMA  
AZE PR